

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SELASA, 13 APRIL 2021

1	Harga bergantung pada pemborong
2	PDRM, Interpol kerjasama buru kartel
3	Penternak kian terbeban
4	Kos tambahan sehingga RM300 sebulan
5	'Bantulah penternak'

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Harga bergantung pada pemborong

Peniaga terpaksa akur kenaikan harga ayam, daging segar

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_no@bh.com.my

Johor Bahru

Peniaga bukan seorang pun mahu meningkatkan harga ayam segar standard, sebaliknya kami jual runcit berdasarkan harga ayam di ladang yang ditawarkan pemborong.

"Jika harga yang ditawarkan itu tinggi, kami terpaksa jual tinggi dan jika harga ditawarkan rendah sudah pasti peniaga akan jual pada harga murah," katanya peniaga ayam segar, Samsul Bahri Anuar, 42.

Itu penjelasan peniaga susulan kenaikan harga ayam dan daging segar di sekitar bandar raya ini menjelang Ramadan.

Tinjauan Harian Metro di beberapa pasar basah sekitar bandar raya ini termasuk di Tampoi dan Skudai mendapati harga ayam segar ki-



SAMSUL

ni naik kepada RM8.50 sekilogram (kg) berbanding antara RM7.50 hingga RM7.80 kg, minggu lalu.

Harga daging segar juga naik kepada RM38 berbanding antara



SITI Amaninah

RM35 hingga RM36 minggu lalu.

Samsul Bahri berkata, harga ayam segar mulai naik antara 80 sen hingga RM1 sejak hampir seminggu lalu.

Katanya, harga ayam naik setiap kali menjelang Ramadan kecuali tahun lalu berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan sektor ekonomi tidak banyakk dibuka.

"Sejak empat hari lalu, harga ayam segar mengalami kenaikan dan dijual peruncit pada harga RM8.50 sekilogram (kg) berbanding hanya RM7.50 hingga RM7.80 minggu lalu," katanya di

sini, semalam.

Penjual daging segar, Salim Abidullah, 27, berkata, harga daging naik antara RM2 ke RM3 setiap kilogram berikutan permintaan yang melambung dengan bekalan terhad.

Katanya, peternak memaklumkan harga daging segar terpaksa dinaikkan berikutan makanan ruji ternakan mereka kini juga sudah naik harga.

"Walaupun harga daging segar agak mahal, ia tetap mendapat sambutan dan menjadi pilihan umat Islam menjelang puasa," katanya.

Sementara itu, pesara kerajaan, Siti Amaninah Md Yassin, 63, berkata, harga barang keperluan menjelang Ramadan kali ini agak mahal berbanding tahun lalu.

"Saya baru beli sedikit sayuran untuk stok puasa dua hari namun harganya sudah lebih RM50.

"Apabila tengok harga ayam segar dan daging pula, harganya memang naik agak ketara berbanding minggu lalu dan sudah pasti akan membebangkan keluarga berpendapatan rendah," katanya.



PENIAGA ayam segar, Ardin Lahabar menyusun ayam di kedainya di Kipmart Tampoi, Skudai, Johor, semalam.

PDRM, Interpol kerjasama buru kartel

Dua individu masih bebas diletakkan sebagai orang yang dikehendaki

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

KUALA LUMPUR

Polis Diraja Malaysia (PDRM) bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) dan Polis Antarabangsa (Interpol) untuk mengesan dua individu berkaitan kartel daging yang masih bebas iaitu Tan Siew Huak dan Wong Ah Kheong.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed berkata, perkara itu masih dalam siasatan dan tindakan PDRM.

"Polis masih mengesan sama ada dua individu terbabit berada di dalam atau luar negara.

"Mereka juga diletakkan sebagai individu yang dikehendaki.

"Polis bekerjasama dengan semua agensi penguasa seperti imigresen serta Interpol untuk tindakan lanjut," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Selain itu katanya, PDRM turut

bekerjasama dengan agensi berkaitan untuk mengenal pasti syarikat yang terlibat mengimport daging sama ada berlaku modus operandi seperti yang dibongkarkan barubaru ini.

Pada Ahad, Huzir mendedahkan dua suspek iaitu Siew Huak dari Ulu Tiram, Johor dan Ah Kheong dari Kuantan, Pahang masih giat diburu susulan tangkapan seramai 36 orang yang ditahan dalam Op Kartel di seluruh negara.

Kata Huzir, operasi khas bermula pada 9 April lalu berjaya menahan semua suspek berusia dari 28 hingga 67 tahun dengan melibatkan 26 lelaki serta 10 perempuan.

Hasil siasatan juga mendapati syarikat utama yang terlibat merupakan pengimpor daging sejuk beku yang sah dari Brazil.

Mengikut permit pengimport, syarikat itu hanya layak untuk mengimport sebanyak 27 tan daging bagi satu permit dikeluarkan

Bagaimanapun, hasil siasatan mendapati syarikat ini hanya menggunakan empat daripada lima permit pengimport yang dikeluarkan bagi tahun 2020.

KARTEL
DAGING
IMPORT



HUZIR

Syarikat itu didapati mengedarkan lebih dari pada 1,000 tan kepada 202 pelanggannya yang dibuktikan melalui invoice yang dirampas.

Menurut Huzir, 19 syarikat tersebut yang merupakan pengedar daging meraih keuntungan tahunan antara RM1 juta dan RM52 juta dengan mendapat bekalan dari Brazil dan turut menerima bekalan daripada syarikat tempatan.

Bekalan yang diterima akan dibungkus semula sebelum diedarkan kepada pelanggan.

Syarikat ini juga didapati telah menempah kotak berlogo halal untuk membungkus semula daging-daging yang diimport dari Brazil dan yang diterima dari syarikat tempatan bagi memenuhi permintaan pelanggan.

Pada 2 Disember, *Sinar Harian* dalam laporan eksklusif melaporkan sepasukan pihak berkuasa bertindak menyerbu sebuah gudang daging sejuk beku di Senai, Johor dan merampas kira-kira 1,500 tan pelbagai jenis daging sejuk beku antaranya lembu, kerbau, itik, ayam selain organ dalaman seperti paru, perut serta ekor dianggarkan bernilai RM30 juta.

Harga dedak didakwa naik tidak terkawal di pasaran sejak tahun lalu

Penternak kian terbeban

Oleh ZAID MOHD. NOOR, MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB dan FATHULLAH ABU BAKAR
ct.senews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Penternak lembu dan kambing di negeri ini mendakwa semakin terbeban dengan kenaikan harga dedak ternakan tersebut yang melambung tinggi dan tidak terkawal di pasaran sejak tahun lalu.


Malah, kenaikan harga makanan ternakan itu didakwa meningkat setiap minggu antara RM2.50 hingga RM5 sekilogram mengikut jenama dan kualiti dedak tersebut.

Kenaikan harga dedak itu juga menyebabkan harga daging lembu meningkat dari RM38 sekilogram kepada RM40 di negeri ini pada bulan Ramadan ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang penternak, Abdul Hadi Yusoff, 36, dari Kuala Nerang dekat sini berkata, kenaikan harga dedak tersebut dijangka terus meningkat sekiranya tidak dikawal oleh kerajaan.

Malah, katanya, bekalan dedak komersial juga didapati semakin sukar di pasaran sejak kebelakangan ini.

Menurutnya, dia menggunakan dedak komersial 2,000 kilo-



ABDUL Hadi Yusoff memberi dedak kepada lembu ternakannya di Tenang Agro Farm, Kampung Semeliang, Kuala Nerang, Kedah. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

gram (kg) untuk menampung keperluan ternakan 116 ekor lembu dan 100 kambing serta biri-biri.

"Pada masa ini, harga dedak yang paling murah dijual pada harga RM38 bagi setiap satu guni seberat 50kg dan paling mahal pula berharga RM76 bagi setiap guni tersebut.

"Difahamkan, pengilang dan

pengedar dedak itu menaikkan harga disebabkan harga jagung dan kacang soya yang diimport semakin tinggi.

"Malah, harga isirong kelapa sawit yang merupakan bahan utama menghasilkan dedak juga tinggi berikutan harga pasaran kelapa sawit meningkat di pasaran," katanya di sini, semalam.

Sehubungan itu, katanya,

dia dan penternak lain terpaksa menghasilkan dedak alternatif untuk meringankan beban berikutan kenaikan harga dedak yang tidak terkawal itu.

Jelasnya, dedak alternatif yang dibuat sendiri itu diadun berdasarkan sumber daripada pokok kelapa sawit dan jerami padi bagi mengurang kos membeli dedak di pasaran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13.4.2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

'Bantulah penternak'

PETALING JAYA: Penternak ruminan di negara ini gelisah dan bimbang dengan peningkatan harga barang makanan ternakan terutama dedak yang mencanak.

Malah, mereka terbebani kerana berlaku peningkatan kos operasi selain tidak menerima bantuan dan faedah seperti sektor-sektor lain.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Jawatan Kuasa Persatuan Penternak Ruminan Negeri Selangor, Mohammad Subhi Mohd. Musuri berkata, kerajaan harus prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh penternak-penternak ruminan ketika ini.

Beliau memberikan contoh sebelum ini, jika harga setiap kos termasuk pengangkutan sehingga ke kawasan ladang dalam lingkungan RM 650, tetapi harga baharu mencecah RM 1,000.

"Tiada keistimewaan menjadi penternak kerana perlu usaha sendiri berbanding dengan perusahaan lain seperti ladang sawit, nanas dan getah yang menerima bantuan kerajaan.

"Kerajaan perlu memberi bantuan kepada kami juga. Terkini, harga daging meningkat menjelang Ramadan dan dikhuatiri membawa sehingga ke Hari Raya Aidilfitri. Daging pejal yang dijual oleh peniaga di pasaran mencecah RM45 sekilogram," katanya.

Sementara itu, timbalan pengurus persatuan berkenaan, Yaakob Sidikin berkata, sebelum ini, kerajaan berjanji menubuhkan Majlis Ruminan Negara, namun tiada pelaksanaannya.

"Kami juga tidak menerima subsidi makanan ternakan berbanding perusahaan lain yang menerima manfaat kerajaan.

"Pengusaha yang mengeluarkan hampas sawit bagi tujuan makanan ternakan turut mengambil kesempatan menaikkan harga," katanya.

Kos tambahan sehingga RM300 sebulan

ARAU: Golongan penternak terpaksa mengeluarkan lebih perbelanjaan sehingga RM300 sebulan bagi seguni dedak iaitu seberat 50 kilogram berikut kenaikan harga makanan haiwan peliharaan itu yang dikeسان berlaku sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu dan berlarutan sehingga kini.

Malah dalam tempoh tersebut, harga dedak dikatakan sudah mengalami kenaikan sebanyak enam kali daripada harga sekitar RM55 sehingga mencecah RM67 bagi berat 50 kilogram.

Seorang penternak kambing, Husmizar Hussain, 41, memberitahu, kenaikan harga dedak soya putih itu cukup memberi kesan kepadaanya yang perlu menggunakan bekalan dedak sebanyak 50 kilogram setiap hari.

Dia yang menternak kira-kira 80 ekor kambing berkata, sejak



TERNAKAN memerlukan dedak berkualiti untuk membesar dan mengelakkan penyakit. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

PKP tahun lalu, setiap sebulan atau dua bulan harga dedak di-dapat terus meningkat.

“Dahulu harga dedak (50

kilogram) sekitar RM50 hingga RM55 sahaja namun sedikit demi sedikit naik sehingga mencecah RM67.

“Berikutan itu, saya terpaksa mengeluarkan lebih perbelanjaan iaitu sekitar RM10 sehari bagi membeli bekalan dedak ini. Jika sebulan, saya perlu mengeluarkan perbelanjaan tambahan sekitar RM300.

“Dengan jumlah itu, banyak lagi perkara boleh dilakukan dalam suasana ekonomi serba mencabar ketika ini,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Alor Merah, di sini semalam.

Menurut Husmizar, haiwan ternakan memerlukan dedak berkualiti untuk membesar dan mengelakkan penyakit.

Katanya, mahu tidak mahu mereka perlu membeli dedak yang berkualiti itu meskipun mengalami kenaikan sejak akhir-akhir ini.

“Dahulu, harga dedak jika mengalami kenaikan pun hanya setahun sekali sahaja, bukan seperti sekarang sehingga beberapa kali,” katanya.